

09 APR 2002

Syed Hamid-Singapura/I

M'SIA TUNGGU JAWAPAN S'PURA BERHUBUNG CADANGAN BARU

PUTRAJAYA, 9 April (Bernama) -- Malaysia masih menunggu jawapan Singapura berhubung cadangan barunya terhadap satu pakej yang dipersetujui mengenai isu-isu berbangkit antara kedua-dua negara, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini.

"Kami telah mengemukakan (cadangan baru itu) dan Singapura telah meminta masa untuk memberi jawapan," kata beliau dalam persidangan media selepas bertemu dengan Dr Tatsuo Arima, wakil khas kepada Perdana Menteri Jepun Junichiro Koizumi.

Beliau berkata, cadangan Malaysia terkandung dalam sepucuk surat yang dikirimkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew.

Isu-isu yang masih belum selesai terdiri daripada bekalan air, kemudahan kastam, imigresen dan kuarantin di Singapura, pembangunan semula tanah milik Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dan penggunaan ruang udara Malaysia oleh Tentera Udara Singapura.

Minggu lepas, Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong berkata kerajaan beliau akan memberi jawapan kepada cadangan terbaru Malaysia bagi pakej yang dirundingkan itu pada minggu ini.

Pakej itu dicapai oleh Goh dan Dr Mahathir pada Disember 1998 tetapi rundingan tergendala kerana pertikaian mengenai harga air, dengan satu daripada perjanjian bekalan air perlu diperbaharui pada 2061.

Syed Hamid berkata Malaysia telah mengemukakan cadangan baru, dan kini terpulang kepada Singapura untuk bertindak.

Beliau berkata, apabila Singapura memberi jawapan kepada cadangan itu dan "tiada lagi halangan", perbincangan di peringkat pegawai dan Menteri akan disambung untuk menyelesaikan isu-isu tertanggung.

Syed Hamid juga berkata yang beliau tidak boleh memaklumkan terma-terma yang dirundingkan kerana ia boleh menggugat rundingan yang sedang berjalan.

"Rundingan ini perlu dilakukan secara senyap," katanya.

-- BERNAMA

MAD AZZ PR